

Ketengah idea bidang airbus

SERDANG – Empat penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih di kalangan lima pasukan terbaik untuk mempersembahkan idea mereka mengenai bidang penerbangan hijau dalam satu pertandingan di Perancis.

Pertandingan itu yang diadakan di pusat Airbus Industries di Toulouse, Perancis, bertemakan "Fly Your Idea 2013" dengan disertai lebih 600 pasukan terdiri daripada 6,000 penuntut dari 82 negara.

Penuntut tahun tiga kejuruteraan aeroangkasa Fakulti Kejuruteraan UPM tersebut ialah Tan Kai Jun, 23, Ong Thiam Chun, 23, Koo Teck Hock, 23, dan Teong Chee Khoon, 22.

Pasukan dari Brazil yang mereka bentuk satu sistem kusyen-udara untuk memungkah kargo merangkul hadiah utama 30,000 Euros (lebih RM120,000), manakala pasukan dari Australia yang merangka satu sistem mencampurkan minyak jet dengan methane (dihasilkan daripada najis lembu) memenangi hadiah kedua 15,000 Euros.

Penuntut UPM pula merangka satu sistem meresapi bahang badan penumpang dalam sesebuah pesawat menggunakan fabrik polimer khas nano untuk menyalurkan kuasa bagi lampu membaca dan lampu lain di dalam kabin pesawat.

Tan berkata, beliau mendapat ilham bagi sistem itu secara kebetulan.

"Pada September lalu ketika kami sedang duduk berbincang mencari ilham bagi pertandingan ini, Koo mengadu punggungnya "panas" kerana duduk terlalu lama.

"Ketika itulah kami mula berbincang mengenai bagaimana meresapi bahang pada badan. Mujur pensyarah dan mentor kami banyak membantu dalam menyiapkan projek itu," kata Tan.

Pertandingan dua tahun sekali edisi ketiga anjuran Airbus Industries itu mencabar penuntut mengemukakan ilham untuk mewujudkan industri penerbangan hijau atau mapan bagi masa depan.

